

Rujukan Kami : KPTM.IPH.AD.SRDS.ST.8 JILID 5 (36)
Tarikh : 15 Disember 2025
: 24 Jamadilakhir 1447H

KOLEJ POLY-TECH MARA
Lot 339325, Lebuhraya Meru Raya,
Bandar Meru Raya,
30020 Ipoh, Perak.
T• 05 - 242 1003
F• 05 - 242 1002

PARA GRADUAN KPTM IPOH 2025

Saudara/i,

PENGAMBILAN SKROL DAN TRANSKRIP GRADUAN KPTM IPOH 2025 YANG TIDAK HADIR KE MAJLIS KONVOKESYEN KPTM KE-41

Sukacita dimaklumkan bahawa skrol dan transkrip saudara/i boleh dituntut mengikut prosedur yang telah ditetapkan seperti di **LAMPIRAN A**.

2. Untuk makluman, skrol dan transkrip tidak boleh diserahkan sekiranya graduan masih mempunyai yuran tertunggak. Skrol dan transkrip juga tidak boleh diserahkan dalam bentuk salinan lembut (*softcopy*).

3. Pihak KPTM Ipoh mengucapkan Tahniah dan Selamat Maju Jaya dalam apa jua bidang diceburi kelak. Sebarang pertanyaan berkenaan pengambilan skrol dan transkrip boleh diajukan ke Seksyen Rekod Pelajar (SRP) KPTM Ipoh secara emel ke bhea_ipoh@gapps.kptm.edu.my.

Keprihatinan saudara/i dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



NORHIDAYAH BINTI ZAKARIA
Pengurus
Seksyen Rekod Pelajar
b.p. Pengarah
Kolej Poly-Tech Mara Ipoh
200101011711 (547467-W))

s.k. Jabatan Kewangan KPTM Ipoh
Sektor Alumni KPTM Ipoh

“TRUSTWORTHY, RESILIENT AND BLESSED”



**PANDUAN PENGAMBILAN SKROL & TRANSKRIP GRADUAN 2025
YANG TIDAK HADIR KE MAJLIS KONVOKESYEN KPTM KE-41**

Perkara	Penerangan
Tempoh mengambil skrol	29 Disember 2025 - 31 Mac 2026 Bermula 1 April 2025, caj perkhidmatan RM100 akan dikenakan bagi pengambilan skrol dan transkrip yang lewat.
	29 Disember 2025 – 30 Januari 2026 <i>*Bagi graduan yang mempunyai yuran tertunggak</i> Sila jelaskan yuran tertunggak terlebih dahulu. Bermula 1 Februari 2026, skrol graduan yang mempunyai yuran tertunggak akan diserahkan ke KPTM Ibu Pejabat
Tempat	Pejabat Hal Ehwal Akademik Seksyen Rekod Pelajar (SRP) Aras G. Kolej Poly-Tech MARA Ipoh.
Hari dan Masa	Hari bekerja (Isnin – Jumaat) kecuali cuti Umum. Masa pengambilan bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang sahaja. <i>*Tiada tuntutan skrol & transkrip pada hari minggu (sabtu & ahad)</i>
Perkara yang diperlukan	1. Pengesanan Graduan KPT (Slip SKPG). 2. Slip pembayaran yuran tertunggak (bagi graduan yang mempunyai yuran tertunggak)

“TRUSTWORTHY, RESILIENT AND BLESSED”



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02273



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02273

Perkara	Penerangan
Kaedah Pengambilan	A. Mengambil Sendiri Graduan perlu hadir ke pejabat SRP dan membawa bersama Slip SKPG. Skrol dan transkrip TIDAK DIPOSKAN kepada graduan.
	B. Melalui Wakil Bagi graduan yang tidak dapat hadir menuntut skrol & transkrip tersebut, graduan boleh mewakili orang lain untuk mengambil skrol dan transkrip dengan cara mengemukakan dokumen berikut:- i. Surat wakil/kebenaran ii. Salinan MyKad graduan iii. Salinan MyKad wakil iv. Slip SKPG graduan.
Penerimaan Skrol dan Transkrip	a. Hanya skrol dan transkrip yang tidak mempunyai yuran tertunggak sahaja akan diserahkan. b. Graduan dikehendaki menyemak butiran diri pada skrol dan transkrip dan membuat pengesahan penerimaan kedua-duanya.
Peringatan	Pihak Kolej tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kerosakan/kehilangan dan sebagainya ke atas skrol dan transkrip akademik sekiranya tidak dituntut dalam tempoh tiga (03) bulan selepas majlis konvokesyen.

Tamat.

“TRUSTWORTHY, RESILIENT AND BLESSED”



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02273



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02273